

# Warisan KL dijangka jana nilai ekonomi RM7.85b

**Kuala Lumpur:** Projek Warisan Kuala Lumpur (KL) dijangka menjana nilai ekonomi berjumlah RM7.85 bilion menjelang 2035, dipacu pembangunan berasaskan warisan dan pelancongan budaya, yang menarik jutaan pelancong ke bandar raya ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, berkata inisiatif Warisan KL selari dengan matlamat Kuala Lumpur, sebuah bandar yang bersih, sihat, maju, selamat dan mesra alam, namun pada masa sama, membawa makna lebih mendalam, iaitu menghormati masa lalu sambil membentuk masa depan yang inklusif, adil dan penuh kehidupan.

“Potensi ekonominya sangat jelas dan kehadiran Warisan KL ini adalah tepat bagi memastikan pembangunan yang dibina di kota ini tidak memadam atau menghilangkan sejarah, malah memperkaya erti dan makna sejarah yang terus segar dalam nadi kehidupan masyarakat di kota ini.

“Warisan KL ini diilhamkan sebagai perancangan tindakan, yang bukan saja memulihara aset sejarah tetapi pada masa sama, menghidupkannya semula sebagai salah satu pemacu ekonomi, ruang komuniti dan sumber kebanggaan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Warisan KL: Wajah Baha-

ru Kuala Lumpur di sini, semalam yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dan Pengarah Urusan Think City, Datuk Hamdan Abdul Majeed.

Dr Zaliha berkata, Kuala Lumpur menyimpan seribu satu kisah perjuangan, harapan dan juga identiti rakyat Malaysia.

Dalam mengejar pembangunan yang pesat katanya, semua pihak tidak boleh lari atau melupakan sama sekali sejarah yang memberi jiwa kepada ban-

dar raya itu.

Diterajui oleh DBKL dan disokong oleh rakan strategik termasuk Think City dan Khazanah Nasional, Warisan KL menggabungkan 10 projek perintis utama bertujuan memberikan nafas baharu kepada kawasan warisan di bandar raya ini.

Inisiatif berkenaan merangkumi kawasan tumpuan seluas 20 kilometer persegi merentasi kawasan sivik, warisan dan komersial yang penting, selaras dengan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040 dan dibina berdasarkan rangka kerja pembangunan terdahulu, termasuk rancangan tempatan pada 2014 dan 2020.

Komponen utama termasuk pe-

mulihan dan pemuliharaan kawasan ikonik, seperti Enklaf Masjid Jamek, kawasan Dataran Merdeka, Carcosa Seri Negara dan Merdeka 118, serta mengubah pasaran sehenti *Trade Quadrant* yang bersejarah menjadi hab budaya dan komersial untuk usahawan moden, perniagaan legasi dan komuniti kreatif.

Inisiatif Warisan KL juga melihat semula dan menyepadukan usaha sebelum ini, seperti projek *River of Life*, meningkatkan tarikan awam melalui penambahbaikan infrastruktur, papan tanda dan penceritaan, sambil menggalakkan penyertaan belia dan masyarakat untuk bersama-sama mencorakkan ruang itu.